

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, REKTOR
KUKUM DI PROGRAM KOMUNITI 2006 KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
SIMPANG EMPAT DI SEKOLAH KEBANGSAAN SIMPANG EMPAT PADA 25
NOVEMBER 2006.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera.

Terima Kasih Kepada Yang Berusaha Pengerusi Majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis,

Yang Berhormat Encik Zahari Bin Bakar, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan
Simpang Empat,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan
Rektor Akademik Dan Pengantarabangsaan, KUKUM,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Rektor
Penyelidikan Dan Inovasi, KUKUM,

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM

Yang Berusaha Encik Zulkifli Abdul Rashid, Pengerusi Program Komuniti 2006
Kawasan Dewan Undangan Negeri Simpang Empat, Perlis,

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Staf-Staf KUKUM, Guru Besar – Guru Besar, Guru-Guru Sekolah,

Imam – Imam Dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Masjid,

Ahli Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung,

**Warga Kerja Program Komuniti 2006, Dan Mahasiswa-Mahasiswi Tahun Dua
KUKUM Yang Dikasihi Sekalian.**

Bersyukur kita ke hadraT Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia, kasih dan sayang serta dengan izin-nya dapat kita berkumpul bersama-sama pada petang yang penuh keberkatan ini di Sekolah Kebangsaan Simpang Empat, Perlis. sembah dan salam juga buat junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh kaum kerabat dan sahabat Baginda.

Alhamdulillah, semoga pertemuan kita di dalam program komuniti pada tahun ini yang diadakan di kawasan Dewan Undangan Negeri Simpang Empat, Perlis, diberkati illahi hendaknya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana telah sudi hadir dan seterusnya merasmikan majlis penutup program komuniti 2006. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Encik Zahari Bin Bakar, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Simpang Empat, Perlis, kerana telah sudi hadir di dalam program kemasyarakatan anjuran KUKUM ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada ahli jawatankuasa program komuniti pelajar tahun 2 ini yang telah dipengerusikan oleh saudara Zulkifli Abdul Rashid kerana usaha gigih dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan semua dalam merancang, menyusun dan seterusnya menzahirkan program ini. Tidak dilupakan juga kepada semua pelajar tahun dua KUKUM yang telah bertungkus lumus dan bergotong-royong bersama-sama bagi menjayakan program bersama komuniti yang bersifat kemasyarakatan ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua kerana telah mengambil bahagian.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tujuan utama program komuniti ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada semua pelajar KUKUM tentang aspek pembangunan insan. Sebentar tadi para pelajar telah bergandingan bahu dalam mengaplikasikan aspek ini dengan mengecat, mengemas, berkebun dan pelbagai cara lagi untuk mengindahkan sekolah-sekolah dan masjid-masjid yang terlibat dalam program ini. Saya pasti pihak masjid dan sekolah berasa bangga dengan apa yang telah anda lakukan sebentar tadi.

Para pelajar KUKUM yang saya kasihi,

Adalah menjadi tanggungjawab para pelajar untuk mengambil tahu tentang keadaan sekeliling khususnya di kawasan luar bandar kerana anda semua yang akan memainkan peranan sebagai seorang jurutera masyarakat kelak. Sudah pasti para pelajar perlu diberi pendedahan secukupnya tentang realiti kehidupan masyarakat dan membantu mereka menyelesaikan masalah dan bersama-sama membangunkan masyarakat yang berkualiti. Selain itu, anda juga berperanan sebagai duta kecil bagi menyedarkan masyarakat untuk mencintai alam sekitar dan memeliharanya. Justeru, menjadi harapan KUKUM agar semua pelajar dapat mengintegrasikan dan merealisasikan peranan ini kepada masyarakat melalui program sebegini. Para pelajar seharusnya mengambil peluang ini dengan sebaik mungkin untuk berbakti kepada masyarakat.

Para hadirin sekalian,

Akhir kata sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pusat pengajian kejuruteraan pembuatan dan pusat pengajian kejuruteraan mekatronik di atas usaha penganjuran program komuniti 2006 ini. Tidak dilupakan juga sekalung tahniah kepada semua pelajar di atas penyertaan mereka bagi merealisasikan program ini.

Jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana telah sudi hadir dan merasmikan majlis penutup program komuniti 2006 di dewan undangan negeri kawasan simpang empat ini.

Awal bismillah pembuka surah,
Asyik didengar tika didendang,
Masjid dan sekolah cantiklah sudah,
Berseri-seri mata memandang.

Sekian, saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.